

PEMERKASAAN PENGAJIAN HADIS DI PAHANG MENURUT PERSPEKTIF ILMUWAN HADIS

EMPOWERMENT OF HADITH STUDIES IN PAHANG ACCORDING TO THE PERSPECTIVE OF HADITH SCHOLARS

Fauzi Azmi¹,
Asjad Mohamed^{2*},
Mohd Kamal Azman Jusoh³,
Siti Nora' Aeshah Zakaria⁴

¹ Akademi Pengajian Bahasa: Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, 26400 Bandar Jengka, Pahang, Malaysia (fawwaz@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari: Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, 26400 Bandar Jengka, Pahang, Malaysia (asjad@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari: Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, 26400 Bandar Jengka, Pahang, Malaysia (kamalazman@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Hadis: Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia (aeshah@unipsas.edu.my)

*Corresponding Author: asjad@uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Azmi, F., Mohamed, A., Jusoh, M. K. A., & Zakaria, S. N. A. (2025). *Pemeriksaan pengajian hadis di Pahang menurut perspektif ilmuwan hadis*. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 265 – 276.

Abstrak: Ilmu hadis diperkenalkan dalam masyarakat bertujuan mendekatkan mereka dengan sumber autentik Islam yang kedua selepas al-Quran. Pengajian hadis, secara tidak langsung akan membawa kepada penguasaan ilmu ini dalam kalangan masyarakat. Namun, realitinya perkembangan pengajian hadis di masjid dan surau agak perlahan jika dibandingkan dengan bidang pengajian lain. Isu ini jelas berdasarkan kuliah pengajian di surau dan masjid serta institusi pengajian yang wujud lebih tertumpu kepada bidang lain selain ilmu hadis. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti cadangan dan langkah ke arah pemeraksanaan pengajian hadis di negeri Pahang. Selain, untuk menganalisis cabaran dan kekangan pengajiannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan deskriptif. Instrumen utama kajian pula menggunakan temubual semi berstruktur dengan empat (4) orang tokoh hadis di Pahang sebagai informan. Mereka dipilih secara persampelan bertujuan kerana berpengalaman luas dalam bidang hadis yang membolehkan data berkaitan diperoleh untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian mengemukakan sembilan (9) cadangan utama bagi memperkasakan perkembangan pengajian di negeri Pahang, iaitu menyediakan pengajian hadis secara talaqqi dan bersanad, meningkatkan keilmuan dan kemahiran tenaga pengajar, memilih institusi pengajian hadis yang bersesuaian, melaksanakan kaedah pengajian konvensional, memberi insentif khas, menawarkan tajaan bagi pengajian bidang hadis, mendapat sokongan pihak berautoriti, menganjurkan program berkaitan hadis dan menubuhkan maahad tahfiz hadis.

Hasil kajian dilihat dapat menyumbang kepada pihak berautoriti bagi melaksanakan perancangan lebih efektif dari aspek peruntukan kewangan, infrastruktur, fasiliti dan tenaga penggerak ke arah pemerkasaan ilmu hadis pada masa hadapan.

Kata kunci: *Pemeriksaan, Pengajian Hadis, Ilmuwan Hadis, Negeri Pahang*

Abstract: *The study of hadith serves as a vital bridge, connecting communities to the second most authoritative source in Islam after the Quran. Mastery of hadith knowledge fosters a deeper understanding of Islamic teachings among the community. Despite its importance, the development of hadith studies in mosques and suraus, particularly within the state of Pahang, has lagged behind other disciplines. This trend is evident in the greater focus on other fields during lectures and educational programs in these institutions. Addressing this gap, the present study aims to propose actionable recommendations and strategic steps to enhance hadith studies in Pahang, while also analyzing the challenges and limitations faced in this field. Employing qualitative and descriptive methodologies, the research utilized semi-structured interviews with four prominent hadith scholars from Pahang, chosen for their extensive experience and expertise. The findings reveal nine key recommendations to advance hadith studies: introducing talaqqi and sanad learning, enhancing the knowledge and skills of educators, selecting appropriate institutions for hadith studies, adopting conventional teaching methods, providing special incentives, offering scholarships for hadith education, securing support from authorities, organizing hadith-focused programs and establishing dedicated maahad tahfiz hadith institutions. These recommendations are expected to guide authorities in implementing more effective planning related to resource allocation, infrastructure, and human capital, thereby strengthening the future of hadith scholarship in Pahang.*

Keywords: *Empowerment, Hadith Studies, Hadith Scholars, Pahang*

Pendahuluan

Al-Quran, hadis, qiyas dan ijmak merupakan sumber rujukan bagi umat Islam. Pengajian ilmu al-Quran dan ilmu hadis berlaku selari dengan perkembangan Islam. Al-Quran diajar seawal usia kanak-kanak selain tiga ilmu Fardu Ain; Tauhid, Fekah dan Tasawuf. Pengajian hadis kelihatan tidak dilaksanakan secara berfokus dan sistematik seperti pengajian al-Quran dalam arus perdana. Pengajian hadis tidak mendapat perhatian yang meluas daripada semua pihak bukan setakat di Malaysia malahan di seluruh dunia (Kaharuddin, 2018). Dalam konteks pengajian hadis di Malaysia, pengajian hadis dibahagikan kepada dua kaedah, iaitu; secara formal dan tidak formal. Institusi formal melibatkan sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Manakala institusi tidak formal difokuskan kepada masjid, surau, madrasah, sekolah pondok dan organisasi atau pertubuhan (Rosni et al., 2015)

Selain tumpuan yang sedikit oleh masyarakat terhadap bidang hadis, terdapat juga pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pihak berwajib, golongan sarjana serta penuntut ilmu untuk mengembangkan pengajian hadis. Antara cabaran yang dihadapi dalam proses mengembangkan pengajian hadis ialah kurangnya graduan dalam bidang hadis berbanding bidang syariah dan al-Quran, kurangnya kawalan penyebaran hadis palsu melalui media sosial dan tentangan golongan liberal yang menolak hadis *Ahad* (Bin Isa & Amran, 2017, Usman et al.)

Kajian ini bukan sekadar mendapatkan maklumat dan pandangan ilmuwan terhadap pengajian hadis di Pahang. Sebaliknya, kajian memperoleh cadangan langkah penambahbaikan pengajian hadis di Pahang, menganalisis cabaran dan kekangan dan mengenal pasti inisiatif yang perlu dilaksanakan. Proses penyempurnaan kajian ini juga telah melalui beberapa peringkat seperti peringkat pengenalan, kajian literatur, pengumpulan data, analisis data dan rumusan.

Kajian Literatur

Kajian khusus berkaitan pemeraksanaan atau perkembangan pengajian hadis di negeri Pahang sehingga kini belum ditemui oleh pengkaji. Namun, terdapat beberapa kajian berkaitan hadis yang telah dijalankan di negeri Pahang. Antara kajian tersebut ialah kajian yang dijalankan oleh Nuri Sazana (2021) yang memfokuskan tentang pengajian dan kitab-kitab hadis yang digunakan di masjid-masjid di Kuantan. Fokus kajian tersebut adalah berbeza dengan kajian penulis. Hasil kajian tersebut menunjukkan masyarakat Islam khususnya di daerah Kuantan telah mendapat pendedahan pengajian ilmu hadis melibatkan pelbagai peringkat masyarakat termasuk golongan dewasa, remaja dan kanak-kanak.

Selain itu, terdapat juga kajian yang memfokuskan kepada kajian hadis yang berkaitan analisis kandungan, seperti: Kajian Repetisi dalam Hadis: Tumpuan Terhadap Hadis “*Innama Al-A'mal Binniyyat ...*”. Dalam teks hadis tersebut menyatakan kalimah “*Faman Kaanat Hijratuhu*” diulang sebanyak tiga kali. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa hadis ini mengandungi tiga jenis repetisi iaitu repetisi kata, frasa dan makna yang bertujuan sebagai penegasan, menunjukkan keutamaan, amaran dan sebagai strategi untuk mengingat matan hadis. (Norillah, 2021).

Sementara kajian lain yang berkaitan dengan tajuk, ialah seperti artikel oleh Abu Dzar (2021) menyebut tentang perbezaan isu *Al-Jarh wa Al-Ta'dil* dan *Al-Ghibah*. Kajian ini mendapati bahawa kepakaran pengkritik bukan sekadar menghukum perawi dengan istilah *al-Jarh* tanpa alasan yang konkrit. Sebaliknya kritikan yang diungkap mempunyai objektif menjaga keabsahan sumber dalil di samping mengenal pasti para perawi daripada sudut *al-Dabt wa al-Adalah*.

Bagaimanapun, perbezaan antara kajian-kajian di atas dengan kajian penulis ialah tertumpu untuk mendapatkan maklumat ke arah pemeraksanaan pengajian hadis di Pahang. Selain itu, ia juga bertujuan memperoleh pandangan ilmuwan hadis ke arah penambahbaikan pengajian hadis di Pahang pada masa hadapan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti cadangan dan langkah pemeraksanaan pengajian hadis serta menganalisis cabaran atau kekangan pengajian hadis di Pahang.

Masalah Kajian

Pengajian al-Quran dan hadis seharusnya berada pada tahap perkembangan yang sama memandangkan keduanya adalah sumber rujukan primer kepada umat Islam. Namun realitinya, pengajian al-Quran lebih mendominasi, sementara pengajian hadis seolah-olah terpinggir. Pengajian hadis di masjid dan surau kelihatan agak ketinggalan jika dibandingkan dengan bidang pengajian lain seperti pengajian al-Quran, fiqh dan akhlak (Johari & Shah, 2017). Pihak masjid juga berhadapan dengan kekangan dan cabaran dalam menyediakan kuliah pengajian

hadis. Hal ini disebabkan kekurangan ilmuwan yang mempunyai kepakaran mendalam dalam bidang hadis. Ini dibuktikan melalui peratusan graduan dalam bidang hadis di Malaysia hanyalah 28.6% berbanding graduan dalam bidang al-Quran sebanyak 40% (Halim et al., 2020) dalam pengajian Islam. Pada masa yang sama, bidang hadis juga didapati ketinggalan dalam pencapaian, penerokaan dan inovasi sedangkan hal itu sangat penting dalam abad moden yang dikelilingi dengan teknologi dan komunikasi terkini (Darmalaksana, 2020). Data dan maklumat di atas menyumbang kepada kelemahan perkembangan pengajian hadis di Malaysia berbanding pengajian al-Quran. Fenomena ini tidak boleh dibiarkan berterusan kerana secara tidak langsung turut memberi impak negatif kepada tahap kefahaman dan penghayatan masyarakat Islam terhadap hadis.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Secara khusus, analisis dokumen atau analisis kandungan ini melibatkan pemprosesan dan sintesis maklumat daripada sumber jurnal, buku, majalah dan data dari temu bual. Analisis yang diperolehi bertujuan untuk menghasilkan rumusan yang signifikan dan hasil kajian yang tepat. Sementara temu bual secara semi berstruktur dilaksanakan bersama empat (4) orang informan dari kalangan tokoh hadis. Manakala, kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan. Tokoh hadis yang dipilih mempunyai sijil pengajian, pengalaman yang luas dan terlibat dalam pengajaran dalam bidang hadis. Ini boleh menghasilkan data yang mendalam bagi menjawab persoalan dan mencapai tujuan spesifik kajian. Kaedah-kaedah yang digunakan secara keseluruhannya ialah untuk mendapatkan pandangan, cadangan dan ilmu pengetahuan yang berasaskan pengalaman tokoh serta ilmuwan hadis di negeri Pahang.

Cadangan Ilmuwan Terhadap Langkah Pemerkasaan Pengajian Hadis Di Pahang

Berdasarkan kepada hasil temu bual bersama ilmuwan yang terlibat, kajian mendapati perkembangan pengajian hadis di Pahang adalah agak perlahan. Hal ini berdasarkan kepada pernyataan oleh informan temu bual pertama, kedua dan ketiga.

“jadi, sistem itu yang kita bertatih, cuba nak belajar-belajar mewujudkan... (Informan pertama-1). maknanya perkembangan tu berbanding dengan Selangor ana tak berapa pasti lah jugak. Tapi secara umumnya masih di tahap yang kurang sangat. Kurang pendedahan... (Informan ke-2). Saya tengok, pengajian ni, kurang orang mengajar hadis kecuali hadis 40 tu lah...”

(Informan ke-3)

Sementara, informan yang keempat berpandangan bahawa pengajian hadis di Pahang kurang teratur dan tidak tersusun secara sistematik.

- i. Menyediakan pengajian secara talaqqi dan bersanad
- ii. Meningkatkan keilmuan dan kemahiran tenaga pengajar
- iii. Memilih institusi pengajian hadis yang bersesuaian
- iv. Melaksanakan kaedah pengajian konvensional
- v. Memberi insentif khas
- vi. Menawarkan Tajaan Bagi Pengajian Bidang Hadis
- vii. Mendapatkan sokongan pihak berautoriti
- viii. Mengajukan program berkaitan hadis
- ix. Menubuhkan maahad tahfiz hadis.

“Sistem pelajaran kita ni tidak memelihara hak ugama. Orang belajar ugama ni, dia dengan ilmu dia, dia pijak je...pengajian hadis tak tersusun. di Pahang lah khususnya. Tak tersusun. Siapa yang ada ilmu sikit-sikit, dia mengajar...”

(Informan ke-4)

Justeru, mereka mencadangkan beberapa langkah efektif yang boleh memperkasakan pengajian hadis di negeri Pahang. Antaranya seperti berikut:

1. Menyediakan Pengajian Secara Talaqqi Dan Bersanad

Faktor pertama yang dapat membantu pemeraksanaan pengajian hadis di negeri Pahang ialah melalui kaedah menarik minat pelajar dengan menawarkan pengajian ilmu hadis secara bertalaqqi dan bersanad. Hal ini dijelaskan oleh tiga informan dalam sesi temu bual tersebut.

“Memang yang pertama sekali dia bertalaqqi kitab tu. Itu yang terbaik..” (Informan 1) “Bertemu dengan guru secara personal, pengajian-pengajian kitab tu di rumah... tapi masa duduk di Syria tu, kita banyak talaqqi dengan guru-guru kitab-kitab turath yang kita baca, kita boleh terima benda tu. Guru kita pun dia boleh terima... (Informan ke-2). Daripada bismillah tu sampai ke watammat. hujung. Bukan tebuk-tebuk. Macam sekolah ni, dia tebuk sana tebuk sini. Hadis ni hadis ni. Ni tak, hadis tu semua sekali. Bacalah Bukhari tu daripada awal sampai akhir...”

(Informan ke-3)

Seorang informan juga berpandangan bahawa mengajar kitab hadis hasil tulisan sendiri, memilih institusi pengajian hadis yang tepat dan memperkasakan pendidikan fundamental dapat menarik minat masyarakat untuk belajar hadis. Sekiranya minat untuk mempelajari hadis semakin meningkat dalam kalangan penuntut ilmu, ini akan membawa kepada perkembangan dan pemeraksanaan pengajian hadis secara lebih pesat.

2. Meningkatkan Keilmuwan dan Kemahiran Tenaga Pengajar

Bagi menyemarakkan pengajian hadis di negeri Pahang, para pengajar juga perlu sentiasa meningkatkan keilmuwan dan kemahiran dalam penyampaian ilmu hadis bersesuaian dengan perkembangan ilmu dan teknologi masa kini. Usaha ini boleh dilaksanakan melalui cara penggunaan teknologi pendidikan yang terkini dalam pengajaran dan pembelajaran. Tenaga pengajar dan pelajar perlu memanfaatkan kemudahan dan peluang pengajian hadis melalui pelbagai medium semasa seperti CD, apps, youtube, facebook, Tik Tok dan lain-lain. Pandangan ini telah dikemukakan oleh informan kedua dalam sesi temu bual.

“Termasuk peluang selepas daripada belajar secara formal tu, termasuk mengikuti pengajian youtube, CD, hok tu. Walaupun kita katakan pengajian dalam youtube, dalam CD ni tidaklah yang terbaik. Yang terbaik secara talaqqi berhadapan ni. Tetapi, bagi ana, itu banyak membantu. termasuk juga FB live ...”

(Informan ke-2)

Keilmuwan dan kemahiran tenaga pengajar dalam bidang hadis serta penguasaan ilmu teknikal dalam penyampaian akan mendorong kepada pemeraksanaan pengajian hadis di negeri Pahang secara lebih cepat dan pantas.

3. Memilih Institusi Pengajian Hadis Yang Bersesuaian

Faktor ketiga untuk mengembangkan pengajian hadis ialah dengan memilih institusi pengajian hadis yang bersesuaian. Sekiranya seseorang berhajat untuk menyambung pengajian hadis, individu tersebut hendaklah didorong untuk memilih tempat yang menawarkan silibus dan guru yang benar-benar berkemahiran dalam bidang hadis. Sebaik-baiknya, tempat itu adalah bersifat madrasah atau pondok tradisonal yang mengajar khusus ilmu-ilmu *turath* termasuklah yang berkaitan dengan hadis. Perkara ini dapat dirujuk kepada kenyataan informan ketiga dalam temu bual.

“Haa, sebab itu dia suruh pergi belajar tempat tok guru. Bukan belajar tempat moden-moden ni. Tak. Kerana yang moden ini, dia tidak membawa asas, kekuatan, kerohanian, dan kekuatan sebenar....”

(Informan ke-3)

Pemilihan institusi pengajian yang betul sangat signifikan dalam proses pengajian ilmu. Institusi pengajian yang menawarkan ilmu hadis secara khusus dapat membantu seseorang menguasai hadis-hadis Nabi Muhammad SAW. Hal ini juga dapat memberi impak positif kepada perkembangan pengajian hadis termasuklah di negeri Pahang.

4. Melaksanakan Kaedah Pengajian Konvensional

Selain itu, dalam usaha memantapkan pengajian hadis di negeri Pahang, kaedah pengajian konvensional perlu diperkasa dan diteruskan. Ia dapat diimplimentasikan dengan cara mewajibkan hafazan hadis secara berfokus. Pandangan ini disokong oleh informan ketiga dalam sesi temu bual.

“Tapi saya tengok, orang alim hadis, di India. Sebab ulama-ulama sana ramai yang hafaz. Dia boleh dikira Hafiz Hadis. Puluh-puluh ribu hadis, ratus-ratus ribu hadis dalam kepala dia je. Dengan sanad dia ingat...”

(Informan ke-3)

Sistem pengajian secara konvensional dilihat lebih efektif dengan sifat pengajian ilmu hadis. Ia terbukti berhasil apabila dilaksanakan dengan jayanya oleh institusi pengajian hadis di luar negara.

5. Memberi Insentif Khas

Informan kedua bagi temu bual kajian juga mengutarakan pandangan bahawa untuk memantapkan pengajian hadis di negeri Pahang, perlu menyediakan insentif khas bagi hafazan hadis. Hal ini adalah sepertimana yang telah dilaksanakan secara serius oleh pihak kerajaan dalam memperuntukkan sejumlah wang untuk menggalakkan budaya menghafaz al-Quran. Langkah seumpama ini telah dipraktik dan dilaksanakan oleh kerajaan Arab Saudi dengan memberi insentif kepada para penghafaz yang dikenali sebagai penghafaz dua wahyu iaitu al-Quran dan hadis. Inisiatif ini dijangka dapat memberi motivasi dan dorongan yang efektif kepada masyarakat agar lebih bersungguh dalam mempelajari ilmu hadis.

“Kalau boleh ana nak kongsi sikit suatu benda yang bagi ana, boleh kita tengok, atau kalau kita mampu, bagi saguhati, boleh kita buat apa yang dibuat di Saudi, tanpa kita ambik kira aliran dia tu lah. Aliran dia bab lain. Tapi berkaitan fokus dia berkaitan dengan hadis di Saudi ...”

(Informan ke-2)

Insentif yang dikurniakan kepada pelajar yang menghafaz hadis merupakan salah satu bentuk penghargaan kepada mereka. Penghargaan seperti ini akan menyuntik semangat penuntut ilmu untuk memberi tumpuan yang lebih terhadap hafazan hadis seterusnya membawa kepada perkembangan dan pemantapan institusi hadis.

6. Menawarkan Tajaan Bagi Pengajian Bidang Hadis

Seterusnya, pandangan informan kedua bahawa untuk memperkasakan pengajian hadis ialah dengan memberi tajaan istimewa kepada pelajar yang ingin menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

“Tapi berkaitan fokus dia berkaitan dengan hadis di Saudi, tapi dibuat tu, memang dari sudut tajaannya apa semua tu, hebatlah. Dari sudut pelaksanaannya, mungkin kita boleh tengok jugaklah macam mana dia tu. Jadi disitu ana tengok, cukup menarik untuk menggalak orang ke bidang hadis...”

(Informan ke-2)

Menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi memerlukan kepada perbelanjaan yang agak besar. Apatah lagi, sekiranya tempat pengajian itu di luar negara. Dengan wujudnya tajaan terhadap pengajian ilmu hadis akan menggalakkan lagi masyarakat untuk mempelajari dan mendalami ilmu ini. Sokongan berbentuk material merupakan faktor yang penting ke arah perkembangan institusi pengajian pada masa hadapan. Lebih-lebih lagi dalam suasana ekonomi dunia yang tidak stabil dan kos kehidupan yang semakin meningkat.

7. Mendapat Sokongan Pihak Berautoriti

Sementara, menurut informan keempat mengenai kaedah memperkasakan pengajian hadis di negeri Pahang ialah dengan mengambil langkah meningkatkan peranan agensi atau institusi agama negeri, seperti Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan Jabatan Mufti Pahang (JMP). Hubungan sinergi, kolaborasi dan sokongan antara agensi-agensi agama dalam negeri Pahang seperti melaksanakan program atau seminar berkaitan hadis amat perlu dan penting dalam merealisasikan pemantapan pengajian hadis di Pahang.

“... kerjasama dengan jabatan agamalah. Kerjasama dengan kerajaan Jabatan Agama Pahang. Bincang dengan dia, cari jalan untuk nak kuatkan lagi pelajaran hadis. Penting sangat pelajaran hadis. Penting sangat. “Taraktu fiikum amrain...”

(Informan ke-4)

Pandangan ini disokong pula oleh informan ketiga bagi temu bual yang menyatakan bahawa pihak universiti perlu mengadakan lawatan dan penerangan ke pusat-pusat pengajian bermula daripada peringkat rendah hingga ke peringkat tertinggi. Program seumpama ini bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan ilmu hadis dan mengenali tokoh-tokohnya.

“Saya rasalah macam pihak universiti kena rajin turun ke sekolah-sekolah agama. Kena selalu ziarah ke tadika-tadika, ceritakan tentang kita nak macam Shah Waliullah, nakkan tokoh-tokoh yang mempunyai bidang yang luas dalam hadis kerana kita ni nak jadikan Pahang ni serambi Madinah...”

(Informan ke-3)

Usaha bersepadu yang dilakukan oleh setiap agensi agama dan institusi pendidikan, akan mendorong kepada peningkatan dan penguasaan terhadap ilmu hadis. Suasana ini, sudah pasti akan menjadi pemangkin kepada pemantapan pengajian hadis termasuklah di negeri Pahang.

8.Menganjurkan Program Berkaitan Hadis

Manakala pandangan berikutnya yang diutarakan oleh informan kedua bagi merencanakan perkembangan pengajian hadis di Pahang ialah melalui penganjuran program berkaitan hadis dan ilmunya secara intensif dan berkala.

“Sehingga kami disini cuba untuk nak mengembangkan lagi hadis, kami buat daurah hadis secara bulanan. Memang fokus kepada kitab hadis dan setakat ni, hampir 60 siri dah. Hampir 60 siri. Setiap bulan...”

(Informan ke-2).

Program-program yang berkaitan dengan ilmu hadis seperti daurah kitab secara talaqqi, majlis pembacaan dan periwayatan (*sama'*) perlu diperkenalkan dalam masyarakat. Ia bertujuan agar diri mereka sentiasa dekat dengan panduan yang ditinggalkan dalam hadis-hadis Nabi Muhammad SAW. Persekitaran yang dipenuhi dengan aktiviti serta program yang berlandaskan kepada pengajian hadis, secara tidak langsung akan memperkasakan penguasaan ilmu ini dalam kalangan masyarakat. Ia akan berkembang dengan pelbagai kaedah dan pendekatan yang menarik, sesuai dengan perkembangan semasa.

9.Menubuhkan Maahad Tahfiz Hadis

Informan kedua juga berpandangan bahawa langkah yang boleh memberi impak ke arah pengembangan pengajian hadis di Pahang ialah dengan langkah menubuhkan Maahad Tahfiz Hadis sebagaimana penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran yang wujud secara meluas.

“Eloknya, untuk menguatkan lagi bidang hadis, kena ada maahad tahfiz khas untuk hafal hadis macam tempat hafal al-Quran tu...”

(Informan ke-2).

Penubuhan institusi tahfiz hadis secara meluas akan memperlihatkan perkembangan pengajian hadis dengan jelas.

Sebagai rumusan, terdapat sembilan (9) pandangan yang dikemukakan oleh para ilmuwan berkenaan langkah yang boleh menyumbang kepada pemeraksanaan pengajian hadis di negeri Pahang. Pandangan tersebut dapat digambarkan dengan jelas dalam rajah berikut:



Rajah 1: Langkah Pemerkasaan Pengajian Ilmu Hadis di Pahang

Cabaran Pengajian Hadis di Pahang

Cabaran pengajian hadis di Malaysia termasuklah di negeri Pahang boleh dilihat dari beberapa aspek yang melibatkan kepakaran, metodologi pengajian, kekeliruan masyarakat, penyebaran hadis palsu, rujukan buku hadis, pendidikan formal dan pengaruh aliran ekstrem. Kajian mendapati antara isu-isu utama ialah seperti berikut:

1. Kurangnya Kepakaran Hadis

Walaupun Malaysia mempunyai institusi yang menawarkan pengajian hadis, jumlah pakar hadis yang benar-benar mendalami ilmu ini dari segi sanad, matan dan *jarh wa ta'dil* masih terhad. Kebanyakan tenaga pengajar mungkin lebih fokus kepada pengajian secara umum tanpa kepakaran khusus yang mendalam dalam bidang hadis. Menurut Nurul Nabilla *et. al* (2013) sebilangan penceramah tidak bertauliah yang berceramah atau mengajar agama Islam di masjid, surau atau di tempat awam lain boleh menimbulkan kekeliruan dan menimbulkan permulaan kepada perpecahan masyarakat, khususnya umat Islam. Malah, apa yang lebih berbahaya ialah fahaman yang boleh membawa kepada keganasan dan mengancam keselamatan rakyat.

2. Metodologi Pengajian yang Terhad

Pengajian hadis didapati masih dilaksanakan secara klasik atau tradisional. Ia lebih tertumpu kepada pembacaan, syarahan teks dan bersifat teoritikal dan kurang latihan praktikal seperti latihan takhrij hadis (penyelidikan kedudukan dan sumber hadis); analisis sanad dan matan, dan penggunaan perisian atau pangkalan data moden berkaitan hadis.

3. Kekeliruan Masyarakat tentang Status Hadis

Ramai dalam kalangan masyarakat masih keliru tentang perbezaan antara hadis sahih, hasan, daif, dan palsu. Ini membawa kepada penyebaran hadis-hadis yang tidak sahih terutamanya di media sosial tanpa disemak terlebih dahulu. Dalam konteks pengajian kuliah, fenomena ini

perlu dibendung dengan mengenalipasti kelayakan guru yang mengajar di masjid dan surau di Pahang. Begitu juga memastikan para guru menggunakan buku-buku hadis yang muktabar.

4. Penyebaran Hadis Palsu

Hadis palsu kerap digunakan untuk menyokong pandangan tertentu terutamanya dalam ceramah bebas atau media sosial, tanpa merujuk kepada disiplin ilmu hadis. Pada pandangan Nurul Nabilla *et. al* (2013) kes ini tentunya berbeza dengan punca-punca hadis ini muncul pada zaman dahulu. Masih wujud penyebaran hadis palsu disebabkan oleh penceramah yang berpegang dengan fahaman Syiah, Rafidhah, Khawarij, Qadariyyah, Murji'ah, Jahmiyyah dan sebagainya. Perkara ini menyumbang kepada kekeliruan kepada masyarakat yang sedang mendalami, memahami, mempelajari dan beramal dengan ilmu hadis.

5. Kekurangan Rujukan Hadis

Banyak rujukan penting dalam ilmu hadis masih dalam bahasa Arab dan tidak diterjemah. Ini menyukarkan pelajar dan masyarakat awam untuk mengakses ilmu hadis secara mendalam jika tidak mahir dalam bahasa Arab. Menurut Nuri Sazana *et al* (2021) antara kitab-kitab popular yang digunakan dalam pengajian ilmu hadis di Kuantan, Pahang ialah:

- i. Mukhtasar Sahih Bukhari karya Imam al-Bukhari
- ii. Mukhtasar Sahih Muslim karya Imam Muslim
- iii. Bahrul Mazi karya Imam al-Tirmizi
- iv. Riyadus Solihin karya Imam al-Nawawi
- v. Syamail Muhammadiyah karya Imam al-Tirmizi
- vi. Mukhtasar Ibn Abi Jamrah
- vii. 40 Hadis Imam al-Nawawi

6. Cabaran Pendidikan Formal

Pengajian hadis kadang kala dianggap sebagai subjek sampingan atau tidak diberi penekanan yang sewajarnya dalam silibus institusi pengajian tinggi agama di Malaysia. Pelajar pada peringkat ini selalunya mempunyai jadual kelas yang padat, tugas, projek atau kerja kursus yang perlu disiapkan, selain aktiviti kokurikulum yang turut menyumbang kepada kesuntukan masa (Abu, *et. al.*, 2007).

Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia pada Ogos 2023 memperkenalkan “Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi” sebagai modul pembelajaran di sekolah merupakan inisiatif yang baik untuk meningkatkan kefahaman agama melalui ilmu hadis dalam kalangan guru dan pelajar di sekolah Islam. Walau bagaimanapun, program tersebut hanya membabitkan pengajian di peringkat rendah dan menengah. Sebaliknya, amalan menghafal Hadis 40 Imam al-Nawawi didapati semakin terpinggir dalam kalangan pelajar pengajian Islam di institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia pada masa kini (Khairulnazrin, *et. al* 2024).

7. Pengaruh Aliran Ekstrem

Kemasukan pengaruh aliran tertentu dari luar seperti salafisme atau orientalisme kadangkala membawa pendekatan yang ekstrim dalam menilai hadis, sama ada terlalu mudah menerima atau terlalu mudah menolak hadis. Terdapat setengah pihak yang mendakwa mengikut aliran ahli Hadis, namun menolak hadis daif secara mutlak, malah menyamakannya dengan hadis palsu. Perbuatan ini sebenarnya tidak diamalkan oleh majoriti ahli Hadis. Ini kerana majoriti

mereka termasuk Imam Malik, Imam Ahmad dan Imam al-Bukhari menerima serta memuatkan hadis daif dalam sebahagian karangan mereka (Mohd Khafidz Soroni, 2024).

Usaha Pemeraksanaan Hadis di Pahang

Informasi dari tokoh hadis menyatakan pengajian hadis di Pahang berada di tahap yang kurang memuaskan. Namun, mutakhir ini terdapat usaha ke arah pemeraksanaan pengajian hadis seperti wujudnya pengajian-pengajian bersanad di pondok, masjid dan pusat pengajian.

Kerajaan Negeri Pahang sebagai contoh telah mengambil inisiatif dalam merealisasikan titah KDYMM Yang Dipertua Agong al-Sultan Abdullah Ria'yatuddin al-Mustafa Billahi Shah Ibni al-Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in Billah untuk menubuhkan Akademi Hadis UnIPSAS (AHad). Idea ini, secara tidak langsung menyumbang ke arah pemeraksanaan pengajian hadis. AHad telah ditubuhkan pada 21 Jun 2019 sebagai pusat rujukan masyarakat berkenaan ilmu dan pengajian hadis. Antara objektif akademi ini ialah seperti berikut:

- i. Memperkasa kedudukan hadis dan mempertahankannya sebagai sumber syariat yang kedua selepas al-Quran al-Karim.
- ii. Memasyarakatkan pengajian hadis dalam kalangan rakyat khususnya negeri Pahang melalui penganjuran aktiviti yang pelbagai bagi semua peringkat.
- iii. Bekerjasama dengan pusat atau institusi kajian hadis dan organisasi yang relevan di peringkat tempatan dan antarabangsa melalui penganjuran program dan kajian penyelidikan.
- iv. Menghasilkan dan menterjemah karya-karya hadis yang relevan serta menyebarkan karya-karya yang dihasilkan dalam kalangan masyarakat.
- v. Melahirkan penyelidik-penyelidik yang mempunyai kepakaran dalam bidang hadis yang mampu menyelesaikan permasalahan berkaitan hadis.

Pada September 2022 pula, Kerajaan Negeri Pahang melalui Akademi Hadis UnIPSAS (AHad) telah melantik al-Fadhil al-'Allamah al-Muhaddith Sheikh Dr. Mustafa An-Nadwi dari Mesir sebagai Fellow Hadis. Beberapa siri pengajian talaqqi kitab-kitab hadis bersanad telah dilaksanakan di UnIPSAS dan masjid-masjid di Pahang.

Selain itu, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dengan kerjasama AHad juga menganjurkan Majlis Khatam Sahih al-Bukhari pada 18 Mei 2024. Sementara, Jabatan Mufti Pahang menganjurkan siri Daurah Hadis bulanan menggunakan kitab *Misykat al-Masabih* bersama Maulana Hussien bin Abdul Kadir. Program ini telah bermula sejak 21 Julai 2024 sehingga kini.

Kesimpulan

Pemeraksanaan pengajian hadis adalah signifikan bagi memastikan kelangsungan ilmu ini dalam kalangan masyarakat khususnya di negeri Pahang. Hasil kajian yang diperolehi daripada temubual bersama tokoh hadis menunjukkan bahawa langkah pemeraksanaan pengajian hadis perlu dilaksanakan dengan baik. Kajian mengenalpasti beberapa cadangan langkah ke arah pemeraksanaan pengajian hadis iaitu menyediakan pengajian hadis secara talaqqi dan bersanad, meningkatkan keilmuan dan kemahiran tenaga pengajar, memilih institusi pengajian hadis yang bersesuaian, melaksanakan kaedah pengajian konvensional, memberi insentif khas, menawarkan tajaan bagi pengajian bidang hadis, mendapat sokongan pihak berautoriti, menganjurkan program berkaitan hadis dan menubuhkan maahad tahfiz hadis. Sementara,

cabaran dan kekangan pengajian hadis di negeri Pahang antaranya ialah kurang kepakaran hadis, metodologi pengajian yang terhad, kekeliruan masyarakat tentang status hadis, penyebaran hadis palsu, kekurangan rujukan hadis, cabaran pendidikan formal dan pengaruh aliran ekstrem. Meskipun begitu, terdapat beberapa inisiatif telah dilakukan dalam usaha memperkasakan pengajian hadis di Pahang seperti diwujudkan pengajian bersanad di pondok, masjid dan pusat pengajian, penubuhan Akademi Hadis UnIPSAS (AHad), pelantikan Fellow Hadis dari kalangan Ulama Hadis. pengajian talaqqi kitab-kitab hadis bersanad, penganjuran Majlis Khatam Sahih al-Bukhari dan Daurah Hadis bulanan.

Rujukan

- Abu Dzar, A. (2021). Perbezaan Isu Al-Jarh Dan Al-Ghibah Menurut Disiplin Ilmu Sanad. *Jurnal Al-Turath; Vol, 6*(2).
- Abu, B., Johan, O. M., Mansor, S.M.S.S., & Jaafar, H. (2007). Kepelebagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar universiti di Fakulti Pendidikan UTM Johor. Laporan Penyelidikan No, 71881.
- Bin Isa, M.A., & Amran, N.N. (2017). Pengajian hadith di masjid Malaysia. *Fikiran Masyarakat, 5*(1), 14–20.
- Darmalaksana, W. (2020). Prosiding Proses Bisnis Validitas Hadis Untuk Perancangan Aplikasi Metode Tahrij. *Jurnal Ushuluddin UIN Sunan Gunung Djati Bandung, 1*, 1–7.
- Halim, A. A., Salaeh, A., Said, W. M., Hassan, S. N. S., Zakaria, N., Amin, M. F. M., & Sobali, A. M. (2020). Pemahaman Hadith Dalam Kalangan Masyarakat Di Malaysia: Kajian Dalam Media Sosial Di Malaysia.
- Johari, M. A. Bin, & Shah, F. B. A. (2017). Kajian Terhadap Kefahaman Hadith Kalangan Ahli Jemaah Masjid dan Surau di Shah Alam, Selangor. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education, 3*(2), 1–11.
- Kaharuddin, K. (2018). Hadis Sebagai Sumber Hukum Islam:(Tinjauan Paham Inkar As-Sunnah, Syi'ah, Dan Orientalis). *Tajdid: Jurnal Pemikiran Keislaman Dan Kemanusiaan, 2*(2), 457–467.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi. Bahagian Pendidikan Islam, Cyberjaya.
- Khairulnazrin Nasir, Ikmal Adnan, Khalilullah Amin Ahmad, Mohd Nor Adzhar brahim & Mohd Azhar bin Abdullah (2024) Keperluan Hafalan Kitab Hadith 40 Imam Al-Nawawi Dalam Kurikulum Pengajian Islam di IPT Malaysia: Satu Kajian Awal. *Journal Hadis. Vol. 14, No. 28.* <https://doi.org/10.53840/hadis.v14i28.270>
- Mohd Khafidz Soroni, (2024). [Facebook.com/islamimalaysia/posts/penolakan-mutlak-hadis-daif-bukan-manhaj-majoriti-ahli-hadisberamal-dengan-hadis/476977114851236/](https://www.facebook.com/islamimalaysia/posts/penolakan-mutlak-hadis-daif-bukan-manhaj-majoriti-ahli-hadisberamal-dengan-hadis/476977114851236/)
- Norillah, A. H. (2021). Repetition in hadis: Focus on the hadith" Innama al-a'mal binniyyat...". *Jurnal Al-Sirat, 2*(19), 85–94.
- Nuri Sazana, M., Zakaria, S. N., & Yunos, M. F. M. (2021). Hadis Studies in Kuantan, Pahang Mosques: A Preliminary Overview. *Jurnal Al-Sirat, 2*(19), 160–162.
- Nurul Nabilla Binti Samsudin, Wan Nor Fitrah Binti Wan Nor, Nur Afiqah Binti Ahmad Fadzil & Maisarah Saidin. (2023). *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)* eISSN: 2637 - 0948 Journal website: www.joirc.com DOI: 10.55573/JOIRC.06110
- Rosni Wazir, Mohd Norzi Nasir (2015) Penggunaan Karya Hadis di Pondok dan Pasantren: Suatu Sorotan Ringkas. In *International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization* (pp. 442-447).